

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN BANGUNAN ARAB-MALAYSIAN

TEMPAT: JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 20 NOV 1987

MASA:

Yang Berbahagia Dato Azman Hashim,
Pengerusi Lembaga Pengarah
Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad;
Yang Berhormat Menteri-Menteri;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya berterima kasih kepada Lembaga Pengarah
Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad kerana menjemput saya
merasmikan Bangunan Arab-Malaysian ini. Di negara kita ini,
banyak institusi kewangan mempunyai bangunan-bangunan
sendiri yang besar dan indah termasuklah Arab-Malaysian
Merchant Bank ini. Saya berharap Bank ini akan menempuh
masa hadapan yang kukuh seperti tersergamnya bangunan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Dasar kewangan negara kita telah dilaksanakan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, mendorong aktiviti-aktiviti sektor swasta dan mengekalkan kestabilan di dalam sistem kewangan. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk membebaskan industri kewangan daripada kawalan-kawalan yang tidak penting. Di masa yang sama, Kerajaan telah berusaha mengadakan peraturan-peraturan untuk melindungi kepentingan awam. Semua ini adalah untuk menggalakkan persaingan dan kecekapan, serta memastikan wujudnya kejujuran di kalangan institusi-institusi kewangan.

3. Institusi-institusi kewangan di negara kita, seperti bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan, telah juga digalakkan membantu Kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Sebagai komponen penting dalam sistem kewangan negara, institusi-institusi kewangan haruslah bersedia memainkan peranan mereka dalam pemulihan ekonomi negara ini.

4. Salah satu asas bagi perkembangan ekonomi masa depan ialah meningkatkan peranan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Institusi-institusi kewangan berperanan penting dalam hal ini. Institusi-institusi kewangan haruslah bekerjasama supaya sektor swasta dapat meningkatkan penyertaan aktiviti mereka. Sebelum ini Kerajaan pernah menyeru institusi-institusi kewangan supaya membantu usaha pemulihan perniagaan yang menghadapi masalah aliran wang tunai dewasa ini. Bank-bank terutamanya telah

digalakkan bersikap 'accommodative' dengan tidak menutup atau foreclose sesuatu perniagaan, sebaliknya membantu perniagaan-perniagaan yang mempunyai prospek masa depan yang baik dan berdaya maju. Apa-apa usaha ke arah hal ini oleh institusi-institusi kewangan haruslah dipuji.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Menyentuh tentang bank-bank saudagar di Malaysia, bank-bank ini telah mengalami perkembangan yang memuaskan. Walaupun kesan ekonomi yang lembab dewasa ini dirasai juga oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan, bank-bank saudagar telah mengalami beberapa perkembangan lain yang menggalakkan. Saya berharap bank-bank saudagar akan terus memainkan peranan yang aktif bagi membantu para pengusaha dan ahli-ahli perniagaan dalam mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan, perindustrian dan perniagaan.

6. Salah satu perkembangan baru dalam sistem kewangan kita ialah pengwujudan pasaran cagaran kedua atau secondary mortgage market. Pasaran cagaran kedua ini diwujudkan untuk membolehkan institusi-institusi kewangan menjual cagaran pinjaman perumahan mereka di pasaran cagaran kedua ini. Pasaran ini akan dapat membebaskan institusi-institusi kewangan daripada terus memegang pinjaman-pinjaman perumahan jangka panjang, dan ini akan membolehkan institusi-institusi kewangan menyalurkan lebih banyak wang untuk pinjaman-pinjaman yang lebih produktif. Seperti yang kita maklum, Kerajaan telah menubuhkan Cagamas Berhad, iaitu sebuah perbadanan yang akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pasaran kedua ini.

7. Bank-bank saudagar mempunyai peranannya tersendiri berkaitan dengan pasaran cagaran kedua ini. Bank-bank saudagar diharapkan akan memainkan peranan yang aktif bagi membangun pasaran dan mempertingkatkan perdagangan baru yang berasaskan cagaran yang dikeluarkan oleh Cagamas Berhad ini. Kerajaan berharap bank-bank saudagar akan bersama-sama membangunkan pasaran cagaran untuk berbagai alat kewangan atau financial instruments, termasuklah surat-surat jaminan Kerajaan. Insentif yang diberikan kepada bank-bank saudagar bagi melibatkan diri dalam pasar kedua kewangan ini patutlah digunakan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Arab-Malaysia Merchant Bank yang merupakan bank saudagar yang pertama yang memegang ekuiti dalam sebuah firma broker saham atau stockbroking firm. Kerajaan berharap lain-lain bank saudagar yang layak akan mengambil peluang dalam penyertaan ekuiti ini, supaya cita-cita Kerajaan bagi meningkatkan sumber modal dan meningkatkan profesionalisma dalam industri broker saham akan berjaya.

9. Di samping itu, beberapa buah bank saudagar telah dibenarkan mengeluarkan sijil-sijil simpanan boleniaga atau

negotiable certificates of deposits. Walaupun terdapat beberapa syarat yang dikenakan, pengeluaran sijil-sijil ini merupakan satu lagi perkembangan yang disediakan oleh Kerajaan bagi bank-bank saudagar bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam sektor kewangan. Bank-bank saudagar hendaklah juga menggunakan inisiatif mereka untuk memastikan mereka memainkan peranan yang aktif supaya ekonomi negara ini berkembang dengan lancar. Ekonomi yang berkembang semestinya dapat menjamin masa depan semua pihak, termasuklah bank-bank saudagar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai institusi kewangan dalam bidang perniagaan. Sebenarnya bank dan lain-lain institusi kewangan bukan berniaga dengan duit atau wang. Yang menjadi komoditi jual-beli institusi kewangan ialah amanah. Mereka yang menggunakan institusi kewangan untuk menyimpan, meminjam atau menggunakan lain-lain kemudahan seperti cek, letters of credit, negotiable certificates dan lain-lain berbuat demikian kerana mereka percaya kepada institusi ini. Jika tidak, mereka tidak akan menyimpan wang mereka, atau membayar dahulu atau membeli nota-nota janji atau promissory notes yang dikeluarkan oleh bank-bank. Yang mereka dapat ialah kertas atau surat yang tidak dengan sendirinya mempunyai harga. Hanya yang menentukan nilai bagi kertas-kertas ini ialah kepercayaan bahawa bank akan menunaikan janji yang terdapat dalam kertas-kertas berkenaan.

11. Oleh kerana komoditi yang terpenting yang diperniagakan oleh bank-bank dan lain-lain institusi kewangan ialah amanah, maka mereka mestilah menentukan bahawa sebarang janji yang dibuat akan dihormati seratus peratus. Dengan amalan ini mereka akan mempunyai kredibiliti dan perniagaan akan menjadi laris, lebih daripada wang yang dimiliki sebenarnya.

12. Tetapi bank dan institusi kewangan tidak menjadi badan perniagaan jika tidak mempunyai pengurus, pegawai eksekutif dan kakitangan. Jika bank-bank ingin mewujudkan amanah maka semua anggota bank mestilah beramanah. Hanya apabila bank terkenal dengan mempunyai pengurusan dan kakitangan yang beramanah sahaja baharulah bank mempunyai kredibiliti dan boleh berfungsi sebagai bank.

13. Pengurusan bank mestilah tegas dalam soal amanah ini. Tiada maaf bagi sesiapa daripada kakitangan bank yang mengabaikan kepercayaan pelanggan. Tindakan segera mestilah diambil.

14. Negara juga tidak boleh membiarkan pengurusan bank yang tidak jujur kerana seluruh masyarakat perniagaan dan pengusaha tidak akan mengadakan hubungan dengan sebuah negara yang terkenal dengan anggota banknya yang tidak beramanah. Memandangkan betapa pentingnya kredibiliti dan amanah dalam pengurusan bank untuk perkembangan ekonomi

negara, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sebarang penyelewengan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad kerana menjemput saya ke Majlis ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Bangunan Arab-Malaysian ini dengan rasminya.